

15 NOV 2000

APEC-ABAC

ABAC GESA APEC MENGIKUTI PERKEMBANGAN LIBERALISASI

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Nov (Bernama) -- Majlis Penasihat Perniagaan Apec (ABAC) hari menggesa ekonomi-ekonomi Apec supaya tidak tergelincir daripada matlamat Bogor mengenai liberalisasi perdagangan dan pelaburan dan memberi makna kepada pembinaan kapasiti.

Pengerusi ABAC, Timothy Ong dari Brunei berkata majlis itu mengulangi keyakinannya bahawa agenda sepadu Apec, di mana liberalisasi saling bergandingan dengan pembinaan kapasiti, mempunyai kaitan istimewa kepada cabaran mendapat manfaat daripada globalisasi.

Gesaan ini dibuat apabila anggota-anggota ABAC menemui pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik di Pusat Konvensyen Antarabangsa di sini, pada hari pertama Sidang Kemuncak Pemimpin-pemimpin Apec.

ABAC merupakan suara rasmi sektor swasta dalam Apec. Ia telah ditubuhkan oleh pemimpin-pemimpin Apec pada tahun 1995 dan majlis itu terdiri daripada tiga pemimpin perniagaan dari setiap ekonomi Apec, yang dilantik oleh pemimpin masing-masing.

Pemimpin-pemimpin Apec diketuai oleh pengerusi Apec, Sultan Hassanah Bolkuah dari Brunei. Malaysia telah diwakili oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di mesyuarat tersebut.

Menurut kenyataan akhbar oleh ABAC, semasa mesyuarat tertutup itu, Ong telah memberi ringkasan perakuan-perakuan ABAC untuk tahun ini, terkandung di dalam laporan terjedol, "Menghadapi Globalisasi Cara Apec."

Laporan itu, yang telah diserahkan kepada pemimpin-pemimpin Apec pada pertengahan Oktober, mengandungi 20 perakuan, yang juga termasuk membina sistem kewangan yang lebih kuat, menjadikan perniagaan lebih mudah dilaksanakan di rantau ini dan memperbaiki pencapaian kepada peluang-peluang baru menerusi kemajuan teknologi.

Ia juga menggesa Apec supaya lebih berkesan dalam pencapaiannya.

Sebelum mesyuarat itu, ABAC telah mengadakan mesyuarat terakhirnya bagi tahun ini di Empire Hotel and Country Club di luar Bandar Seri Begawan, di mana majlis itu membincangkan keutamaannya dan program kerjanya bagi tahun 2001.

Semasa mesyuarat ABAC, majlis itu bersetuju dengan pernyataan kerjasama bersama dialog perniagaan global mengenai e-dagang atau global business dialogue on e-Commerce (GBDe).

Di bawah pernyataan itu, ABAC dan GBDe akan berkongsi kepakaran dan GBDe akan juga bertindak sebagai pusat penjelasan untuk inisiatif sektor swasta mengenai perkara-perkara berkaitan menangani "cabaran digital."

Majlis juga mendengar daripada bakal pengerusi ABAC 2001, Qin Xiao, yang merupakan naib pengerusi China International Trust and Investment Corporation, tentang rancangannya untuk ABAC tahun depan.

-- BERNAMA

AFY KTC MA